

3755/1

Perdagangan

Kertas 1

September

2008

1¼ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK
2008**

PERDAGANGAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
4. *Hitamkan **satu** ruangan sahaja bagi setiap soalan.*
5. *Sekiranya anda hendak menukarkan jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Anda boleh membuat kerja mengira di ruangan kosong pada kertas soalan.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kakulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

- 1 Apakah ciri-ciri keperluan?
A Wujud daripada pengalaman
B Sama bagi setiap individu
C Sukar dipenuhi
D Tidak terhad
- 2 Maklumat berikut berkaitan satu jenis pengkhususan.

Kerja dibahagikan kepada beberapa bahagian yang berbeza.

- Apakah jenis pengkhususan tersebut ?
A Pengkhususan antarabangsa
B Pengkhususan mengikut proses
C Pengkhususan mengikut kawasan
D Pengkhususan mengikut profesion
- 3 Bagi Malaysia aktiviti membeli beras dari Thailand dianggap sebagai
A import nyata
B eksport nyata
C import tak nyata
D eksport tak nyata
- 4 Mengapakah perniagaan dianggap sebagai sebahagian daripada perdagangan?
A Aktiviti perniagaan melibatkan urusan bank
B Aktiviti perniagaan meningkatkan kualiti barang
C Aktiviti perniagaan melibatkan proses pengagihan barang
D Aktiviti perniagaan bertujuan untuk mendapatkan keuntungan
- 5 Antara berikut, jenis saluran agihan yang manakah paling sesuai digunakan untuk menjual kosmetik dan insurans?
A Pengeluar → Ejen → Peruncit → Pengguna
B Pengeluar → Pemborong → Pengguna
C Pengeluar → Peruncit → Pengguna
D Pengeluar → Ejen → Pengguna

- 6 Maklumat berikut berkaitan satu jenis perniagaan runcit.

Perniagaan Z mengamalkan tiga kaedah pembayaran iaitu bayar waktu terima, tunai waktu pesanan dan bayaran ansuran.

Apakah jenis perniagaan tersebut?

- A E-Dagang
- B Pesanan Mel
- C Jualan Langsung
- D Televisyen Interaktif

- 7 Antara berikut, jenis pemborong yang manakah tidak mempunyai hak milik terhadap barang yang dijual?

- A Pemborong jober para
- B Pemborong satu barisan
- C Pemborong bayar dan bawa
- D Pemborong pesanan berwakil

- 8 Berikut adalah kegunaan satu dokumen perniagaan.

- Dihantar dengan tujuan supaya peruncit dapat menjelaskan hutangnya
- Dapat memaklumkan kesilapan dan pembetulan yang dibuat

Namakan dokumen tersebut.

- A Invois
- B Nota Debit
- C Penyata Akaun
- D Nota Makluman

- 9 Berikut adalah kelebihan satu kaedah jualan kepada pengguna.

- Boleh menggunakan barang untuk menghasilkan pendapatan walaupun harga belum dijelaskan sepenuhnya
- Taraf hidup meningkat kerana dapat menggunakan barang mewah

Apakah kaedah jualan tersebut?

- A Sewa Beli
- B Jualan Prabayar
- C Bayaran Tertunda
- D Jualan Konsainan

- 10 Apakah kepentingan perniagaan antarabangsa kepada negara dan penduduknya?
- A Meningkatkan kualiti barang
B Mempelbagaikan pilihan barang
C Menyediakan peluang pekerjaan
D Mengatasi kekurangan bahan mentah
- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan satu jenis dokumen perniagaan antarabangsa.

- Dokumen bertulis untuk menjelaskan hutang
- Boleh dicagarkan untuk mendapatkan pinjaman

Namakan dokumen tersebut.

- A Bil perintah bayar
B Nota perkapalan
C Invois eksport
D Janji carter
- 12 Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan antarabangsa.


Syarikat Kayu Malaysia mendapat kontrak membekalkan kayu jati ke Itali.

Apakah bentuk halangan yang mungkin akan dihadapi oleh Syarikat Kayu Malaysia?

- I Masalah bahasa
II Peraturan kastam
III Masalah kerosakan barang
IV Masalah pertukaran mata wang asing
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 13 Apakah maksud Industri Kecil dan Sederhana menurut takrif Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC)?

	Bilangan Pekerja Tetap (orang)	Nilai Jualan Tahunan (RM)
A	150 orang	10 juta
B	50 orang	10 juta
C	50 orang	25 juta
D	150 orang	25 juta

- 14 Rajah 1 merupakan satu contoh subkontrak perniagaan.



RAJAH 1

Apakah skim perniagaan yang digunakan?

- A Skim Perniagaan Kontrak Khas
- B Skim Perniagaan Bersepadu
- C Skim Perniagaan Vendor
- D Skim Perniagaan Anchor

- 15 Maklumat berikut merupakan ciri-ciri satu cara memulakan perniagaan.

- Boleh memulakan perniagaan dengan lebih cepat
- Mempunyai jaringan pembekal dan pelanggannya sendiri
- Perlu membayar wang muhibbah

Apakah cara memulakan perniagaan yang dimaksudkan?

- A Memulakan sendiri
- B Mengambil alih
- C Francais
- D Warisan

- 16 Antara berikut, yang manakah benar tentang Perbadanan Awam?
- A Penubuhan melalui Akta Syarikat 1965
 - B Modal disumbangkan oleh pemegang saham
 - C Pemegang saham menanggung liabiliti terhad
 - D Keuntungan dikecualikan daripada bayaran cukai
- 17 Antara berikut, yang manakah persamaan antara koperasi dengan syarikat awam berhad?
- I Ditadbir oleh Lembaga Pengarah
 - II Kewujudan perniagaan kekal
 - III Keuntungan dikenakan cukai
 - IV Bebas pindah milik syer
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 18 Maklumat berikut diambil daripada buku akaun Kedai Aneka Kain Rakyat.

Kadar bayaran	RM234	Komisen diterima	RM278
Belian	RM1 580	insurans	RM300
Jualan	RM5 970	Gaji	RM410

Hitungkan untung bersih Kedai Aneka Kain Rakyat.

- A RM3 168
 - B RM3 636
 - C RM3 724
 - D RM3 768
- 19 Antara berikut, pernyataan yang manakah menerangkan jenis syer keutamaan penyertaan?
- A Harga syer ditetapkan semasa diterbitkan
 - B Syer boleh ditukar kepada syer biasa
 - C Penerimaan tunggakan dividen
 - D Penerimaan dividen tambahan

- 20 Bagaimanakah Bursa Saham Kuala Lumpur (Bursa Malaysia) menjaga kepentingan pelabur?
- I Memperkenalkan syarat penyenaraian yang ketat
 - II Mengelakkan aktiviti manipulasi dan penipuan melalui Akta Sekuriti
 - III Mewajibkan semua syarikat awam menerbitkan maklumat tentang operasi dan prestasi keuntungan
 - IV Membenarkan pelabur menjual syer dan memperolehi wang tunai pada bila-bila masa
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 21 Antara berikut, aset pelaburan yang manakah paling tidak mudah cair?
- A Saham
 - B Harta tanah
 - C Unit amanah
 - D Akaun simpanan tetap
- 22 Rajah 2 menunjukkan sekeping cek yang telah dikeluarkan pada 2 Februari 2008.

BANK MALAYSIA BERHAD		Stamp Duty Paid
Sungai, Perak.		56-12453
		Tarikh: 10.3.2008
Bayar		
Pay	<u>Ashila bt. Nazrin</u>	Atau Pembawa
Ringgit	<u>Dua Ratus Sahaja</u>	
Laku dalam tempoh 3 bulan		RM200.00
		<i>Naimah</i>
"679503" 56""12453" 5643217896" 01		

Puan Ashila bt. Nazrin telah menerima

- A cek kosong
- B cek bertanda
- C cek dalaman
- D cek bertarikh hadapan

- 23 Bagaimanakah Bank Negara Malaysia berperanan sebagai jurubank dan penasihat kewangan kepada kerajaan?

I Mengendalikan hutang
 II Meneiapkan nisbah rizab berkanun
 III Menjual bil perbendaharaan
 IV Menyediakan laporan ekonomi

A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C I, III dan IV
 D II, III dan IV

- 24 Berikut adalah jadual kadar faedah simpanan tetap yang dikeluarkan oleh sebuah bank.

Tempoh	Kadar Faedah Simpanan Tetap Setahun
1 bulan	8.00%
3 bulan	8.10%
6 bulan	8.30%
9 bulan	8.40%
12 bulan	8.60%
Melebihi 15 bulan	Boleh dirunding

Puan Huda telah menyimpan wang RM60 000 dalam akaun simpanan tetap pada 1 April 2007 dan akaunnya matang pada 31 Disember 2007.

Hitungkan faedah yang diperoleh Puan Huda dalam tempoh itu.

A RM1 215
 B RM2 490
 C RM3 780
 D RM5 160

- 25 Antara berikut, yang manakah peranan insurans kepada peniaga?

A Membantu mengelak risiko
 B Memupuk sikap berjimat cermat
 C Menyediakan perkhidmatan pelaburan
 D Menguruskan perniagaan dengan lebih yakin


- 26 Berikut adalah dialog antara suami dan isteri.



Apakah peranan insurans dalam dialog tersebut?

- A Memupuk semangat menabung
 - B Menggalakkan perkembangan perniagaan
 - C Membuat persediaan menghadapi kesusahan
 - D Membantu kerajaan memajukan sektor pendidikan
- 27 Antara berikut, agensi yang manakah menyediakan bantuan pelayaran seperti rumah api dan boya?
- A Jabatan Laut
 - B Lembaga Pelabuhan
 - C Jabatan Alam Sekitar
 - D Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysian (MISC)

- 28 Berikut adalah gambar foto satu kenderaan pengangkutan jalan raya.



Apakah yang dimaksudkan dengan huruf A dalam gambar foto tersebut?

- A Kenderaan disahkan selamat oleh PUSPAKOM
 B Kenderaan dibenarkan membawa barang orang lain
 C Kenderaan dibenarkan membawa barang sendiri sahaja
 D Kenderaan mendapat permit daripada Jabatan Pengangkutan Jalan
- 29 Antara berikut, pasangan yang manakah menunjukkan perbezaan antara pengangkutan udara dan pengangkutan rel?

	Pengangkutan udara	Pengangkutan rel
A	Cepat dan mahal	Lambat dan murah
B	Cepat dan murah	Lambat dan mahal
C	Lambat dan mahal	Cepat dan murah
D	Lambat dan murah	Cepat dan mahal

- 30 Antara berikut, pernyataan yang manakah paling tepat mengenai komunikasi?
- A Penghantaran mel
 B Pengagihan barang
 C Penghantaran dokumen
 D Penyampaian maklumat

- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri satu perkhidmatan mel.

- Perkhidmatan penghantaran yang cepat
- Tempoh 1 hingga 3 hari
- Tidak dilindungi insurans
- Status barang boleh disemak melalui internet

Apakah perkhidmatan mel tersebut?

- A Posdaftar
B Aerogram
C Pos Ekspres
D Mel Berinsurans
- 32 Apakah tujuan utama pengilang ais krim memerlukan penyeteran sejuk?
A Menjamin keselamatan barang
B Membantu menstabilkan harga
C Mengelakkan kerosakan dan pembaziran
D Membolehkan aktiviti pecah pual dilakukan
- 33 Bagaimanakah gudang berbon membantu peniaga dari segi modal?
A Barang boleh dicagarkan kepada bank
B Kerja pecah pual boleh dilaksanakan
C Aktiviti pengeluaran dapat diteruskan
D Harga barang dapat distabilkan
- 34 Antara berikut, yang manakah merupakan peranan promosi?
A Menstabilkan harga
B Meningkatkan jualan
C Mengelakkan pembaziran
D Mengurangkan kerosakan
- 35 Antara berikut, yang manakah contoh media bercetak?
A Peragaan tingkap
B Halaman kuning
C Lampu neon
D Papan tanda
- 36 Antara berikut, yang manakah merupakan unsur dalam campuran pemasaran?
A Pengangkutan
B Pergudangan
C Perbankan
D Promosi

37 Antara berikut, agensi yang manakah tidak membantu peniaga dalam pembiayaan kewangan?

- A Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- B Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU)
- C Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN)
- D Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)

38 Apakah peranan persatuan pengguna?

- I Menerima dan menyiasat aduan
- II Menyebar pendidikan kepenggunaan
- III Membuat penyelidikan
- IV Mengubal undang-undang kepenggunaan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

39 Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Kejora Sdn. Bhd.

Syarikat Kejora Sdn. Bhd. didenda RM50 000 kerana membuang sisa toksid ke dalam Sungai Kampar.

Apakah hak pengguna yang dilindungi?

- A Hak mendapat ganti rugi
- B Hak mendapat keselamatan
- C Hak mendapat keperluan asas
- D Hak mendapat alam sekitar yang bersih

40 Antara berikut, pernyataan yang manakah berkaitan dengan tanggungjawab penjual terhadap masyarakat?

- I Membina loji penapisan untuk mengurangkan pencemaran alam
- II Membiayai pembinaan hentian menunggu bas
- III Mengutamakan pengambilan pekerja tempatan
- IV Menjalankan penyelidikan dan pembangunan sosial

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT